

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Tuesday, June 25, 2019 9:31 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Tradisi Sambutan Aidilfitri UUM – Suasana Meriah Penuh Kegembiraan



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

25 JUN 2019 / 21 SYAWAL 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

TRADISI SAMBUTAN AIDILFITRI UUM – SUASANA MERIAH PENUH KEGEMBIRAAN



UUM ONLINE: Kehangatan Aidilfitri 20 Syawal terus dirasakan dalam suasana meriah penuh kegembiraan, ikatan ukhuwah dalam sebuah keluarga besar UUM terserlah pada Majlis Silaturahmi Aidilfitri UUM tahun 2019 di Dewan Mu'adzam Shah, UUM.

Dewan Mu'adzam Shah, UUM dibanjiri orang ramai yang tidak melepaskan peluang bertemu rakan taulan bertanya khabar setelah lama tidak bersua sambil enak menjamu selera.

Acara tradisi yang diadakan saban tahun menghidangkan aneka juadah istimewa di gerai-gerai yang dihias indah seperti nasi Bukhara, ketupat, rendang, sate, capati, nasi impit, spageti, koew teow, laksa, kuih-muih dan biskut raya yang menambat selera.

Pengerusi LPU UUM, Prof. Dato' Dr. Sudin Haron menyifatkan hari raya sebagai tanda kemenangan dalam menzahirkan kesyukuran selepas berjaya menunaikan ibadah puasa di bulan Ramadan.

"Saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, hari kemenangan dan kejayaan jadi kita rayakan dengan penuh semangat yang tinggi setelah sebulan berpuasa sekali gus mengeratkan silaturahmi," luahnya.

Beliau turut berharap alumni akan memainkan peranan yang lebih besar selain menggalakkan pesara UUM untuk datang ke UUM menyertai program yang dijalankan.

Sementara itu, Naib Canselor, Prof. Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkata semangat kerja berpasukan dapat dilihat dalam majlis yang melibatkan pelbagai pusat tanggungjawab, persatuan dan kesatuan.

"Rendang rusa yang merupakan *signature dish* jamuan Aidilfitri UUM turut disediakan selain pelbagai juadah dari sate hinggalah ketupat, lempang, nasi tomato, capati, bihun, mee, laksa kuih-muih dan minuman.

"Tahniah diucapkan kepada semua pasukan yang berjaya meneruskan tradisi sambutan Aidilfitri UUM," tambahnya.

Majlis turut dimeriahkan dengan penyampaian 10 anugerah gerai terbaik yang dimenangi oleh Perpustakaan Sultanah Bahiyah, Jabatan Hal Ehwal Akademik, UUM Information Technology (UUMIT), Jabatan Pendaftar, Ghazali Shafie Graduate School of Government (GSGSG) - Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni College of Law, Government and International Studies (PPA UUM COLGIS).

Selain itu, Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden (SEML), Pusat Kesihatan Universiti (PKU), Pusat Pengujian, Pengukuran dan Penilaian (CeTMA) – Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC) – Pusat Inovasi dan Pengkomersialan (ICC), dan Jabatan Keselamatan.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.